



**JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**  
*(Malaysia Department of Insolvency)*  
ARAS 2 & 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Talian Am : 03-8885 1000  
Faks : 03-8885 1303  
Laman Web : [www.insolvensi.gov.my](http://www.insolvensi.gov.my)

Ruj. Kami: Mdl/156/005/AM113 Jld. 4  
Tarikh : 23 September 2019

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi  
Pengarah Insolvensi Bahagian  
Pengarah Insolvensi Negeri  
Timbalan Pengarah Insolvensi  
Penolong Kanan Pengarah Insolvensi  
Penolong Pengarah Insolvensi  
Ketua Cawangan  
Pegawai Insolvensi

Tuan/Puan,

**ADENDUM KEDUA KE ATAS ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI (KPI)  
BIL. 10/2018 - PINDAAN ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI BIL 3/2014  
BERKENAAN PENURUNAN KUASA BAGI MENANDATANGANI PERJANJIAN  
JUAL BELI SERTA DOKUMEN PINDAHMILIK ASET**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 10/2018 (arahan tersebut) telah dikeluarkan bertujuan untuk memberi penurunan kuasa bagi menandatangani Perjanjian Jual Beli (PJB) serta dokumen pindahmilik aset milik bankrap, syarikat yang digulungkan, pertubuhan atau kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya.

3. Berikut penambahbaikan yang dibuat melalui adendum tersebut, adalah wajar penurunan kuasa boleh diberikan ke peringkat Bahagian dan Cawangan yang tertentu bagi tujuan melancarkan proses kerja dan mengurangkan birokrasi serta aduan yang diterima daripada orang awam.

4. Sehubungan dengan itu, arahan tersebut telah disemak semula dan penambahbaikan dibuat dengan menggantikan keseluruhan perenggan 5 dan 8 arahan tersebut seperti berikut:

“5. Penurunan kuasa bagi menandatangani perjanjian jual beli dan dokumen pindahmilik aset milik bankrap, syarikat yang digulungkan, pertubuhan dan kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya adalah

berdasarkan had kuasa dalam Lampiran A, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi Bil. 18/2016 seperti berikut:

- (a) Bagi cawangan yang diketuai oleh Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) Gred L48 dan ke atas, kuasa menandatangan adalah PIN tersebut;
- (b) Bagi cawangan yang diketuai oleh Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) Gred L44 dan ke bawah, kuasa menandatangan adalah Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi (TKPI). Dalam keadaan ketiadaan TKPI, kuasa menandatangan adalah Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan (PIBK)/Pengarah Insolvensi Bahagian Likuidasi (PIBL);
- (c) Bagi cawangan yang diketuai oleh Ketua Cawangan Gred L32/L38, kuasa menandatangan adalah kepada PIN yang menyelia cawangan-cawangan tersebut; dan
- (d) Dalam keadaan berlaku kekosongan jawatan dalam (a) hingga (c) di atas, kuasa menandatangan adalah kepada KPI/TKPI/PIBK/PIBL sehingga jawatan tersebut diisi.

Tertakluk kepada penurunan kuasa yang terdahulu berkenaan kuasa menandatangan, KPI hendaklah mempunyai kuasa untuk menandatangkan apa-apa dokumen dan instrumen bagi menjalankan kuasa bagi Akta ini.

“8. Dengan penurunan kuasa ini, pindaan terhadap perenggan 8 adalah seperti berikut:

15. Dalam menjalankan kuasa penjualan, KPI/Pegawai Penerima(PP) boleh memberi kuasa berdasarkan Seksyen 70(3) Akta Insolvensi 1967 kepada mana-mana Pegawai Insolvensi dan menubuhkan satu jawatankuasa untuk membantu KPI menjual harta yang ditadbir tersebut selaras dengan Seksyen 2, Seksyen 60(a), Seksyen 70(3) Akta Insolvensi 1967 dan Kaedah 264 Kaedah-Kaedah Insolvensi 1967, Seksyen 236(2)(d) Akta Syarikat 1965 (Seksyen 486, Jadual 12, Bahagian 1(d) Akta Syarikat 2016), Seksyen 17(1)(e) Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan 42, Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 berdasarkan Seksyen 58 Akta Kesatuan Sekerja 1959. Justeru, KPI/PP turut menurunkan kuasa untuk menandatangani perjanjian jual beli serta dokumen pindahmilik aset milik bankrap, syarikat yang digulungkan, pertubuhan atau kesatuan sekerja yang dibatalkan pendaftarannya sebagaimana pindaan perenggan 5 di atas.”

4. Di samping itu, pindaan turut dibuat terhadap perenggan 10 arahan tersebut dengan memotong perkataan “Dalam keadaan kekosongan PIN Gred 52 dan L48 di

cawangan tersebut, penyempurnaan dokumen hendaklah dilaksanakan oleh KPI/PP) atau TKPI/Timbalan Pegawai Penerima (semasa ketiadaan KPI/PP).”

5. Arahan adendum kedua ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.
6. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' ANAS BIN AHMAD ZAKIE)**

Ketua Pengarah Insolvensi

Jabatan Insolvensi Malaysia

